

Penasihat Khas Kesihatan Awam Kepada Perdana Menteri Lawat FPSK UMS



UNIVERSITI
MALAYSIA SABAH



JUMAAT, 30 OKTOBER - Penasihat Khas Kesihatan Awam Kepada Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood telah mengadakan lawatan kerja ke Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini.

Lawatan tersebut antara lain adalah bagi meninjau sendiri kemudahan makmal di FPSK UMS yang menjalankan ujian pengesanan COVID-19, serta mendengar perkembangan semasa aktiviti dan usaha Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan COVID-19 UMS dalam membendung sebarang krisis berkaitan COVID-19.

Dalam lawatan itu, Dr. Jemilah diberi penerangan daripada wakil Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan berkaitan tanggungjawab serta pencapaian pusat tersebut yang melibatkan kakitangan-kakitangan daripada FPSK sendiri.

Antara pencapaian tersebut adalah inovasi UMS Shields yang diguna pakai untuk memantau tahap kesihatan warga kakitangan, pelajar serta orang luar yang memasuki kampus UMS, serta inovasi UMS COVID Sampling Chamber yang bertujuan memudahkan pihak Jabatan Kesihatan Negeri Sabah mengambil sampel COVID-19 dengan lebih selamat.

kesihatan warga kakitangan, pelajar serta orang luar yang memasuki kampus UMS, serta inovasi UMS COVID Sampling Chamber yang bertujuan memudahkan pihak Jabatan Kesihatan Negeri Sabah mengambil sampel COVID-19 dengan lebih selamat.

Dr. Jemilah ketika sesi diskusi bersama kakitangan FPSK dan HUMS turut berkesempatan mendengar peluang yang boleh dikembangkan dan diterokai pelbagai pihak menerusi situasi pada masa ini, antaranya kajian 'Seroprevalence' terhadap jangkitan COVID-19, perkhidmatan menerusi penggunaan fasiliti makmal, latihan dan konsultasi, latihan dari aspek psikologi, serta peluang-peluang inovasi yang lain.

Hadir sama pada sesi lawatan tersebut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof. Madya Ts. Dr. Ramzah Dambul; Dekan FPSK, Prof. Dr. Saffree Jeffree; Pengarah HUMS, Prof. Dr. Helen Benedict Lasimbang; dan kakitangan FPSK serta HUMS.